



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR **JAWATAN KOSONG**

Lembaga Pelabuhan Johor dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut :

PENGURUS BESAR, GRED PP1

Lantikan

Kontrak

Tempoh Kontrak

2 Tahun

Kumpulan Perkhidmatan

Pengurusan Tertinggi

Gaji (SGMM)

Minimum: RM11,130.20

Jawatan ini merupakan jawatan utama dalam perkhidmatan Lembaga Pelabuhan Johor.

1. SYARAT PERMOHONAN :

Calon hendaklah memenuhi kelayakan berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang dari 48 tahun dan tidak melebihi 60 tahun daripada tarikh tutup iklan; dan
- (c) Bebas daripada sebarang rekod jenayah, penyalahgunaan dadah, siasatan/tindakan SPRM, keberhutangan serius, muflis dan tindakan tatatertib; dan
- (d) Fasih dalam pertuturan dan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; dan
- (e) Perakuan pemeriksaan kesihatan melalui laporan perubatan dari klinik/hospital oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. SYARAT LANTIKAN :

- (a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tempatan atau luar negara; atau
- (b) Memiliki Master Of 3000GT or more Unlimited Trade Voyages yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya; dan
- (c) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan memiliki kepujian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk Ujian Lisan); dan
- (d) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan luas dalam industri pelabuhan di Malaysia atau luar negara sekurang-kurangnya 15 tahun; dan
- (e) Mempunyai pengalaman di peringkat pengurusan tertinggi dan berupaya menerajui hal ehwal pengurusan pentadbiran dan operasi pelabuhan; dan
- (f) Mempunyai rangkaian perhubungan dan kerjasama yang baik dengan semua pengguna pelabuhan, pemegang taruh, komuniti dan agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan pelabuhan; dan
- (g) Mempunyai daya kepimpinan dan pemikiran strategik, nilai integriti yang tinggi, daya komunikasi tinggi; dan
- (h) Mempunyai pengetahuan tentang perkembangan terkini industri maritim dan pelabuhan; dan
- (i) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan operasi pelabuhan dan maritim.

3. DESKRIPSI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- (a) Bertanggungjawab dalam menerajui organisasi LPJ sebagai Ketua Jabatan dan Pegawai Pengawal yang mempunyai kuasa eksekutif dalam pengurusan LPJ.
- (b) Pengurus Besar adalah Ahli Lembaga Pengarah sebagaimana Akta 488, *Port Authorities Act 1963*.
- (c) Bertanggungjawab melaksanakan polisi, memantau dan mengawal pegawai Lembaga Pelabuhan Johor dalam aspek pentadbiran, akaun serta menguruskan perkhidmatan pegawai, gaji, elaun dan kemudahan pegawai sebagaimana yang dinyatakan di dalam Akta 488, *Port Authorities Act 1963*.
- (d) Bertanggungjawab dalam mengurus dan melaksanakan peruntukan di dalam Akta 488, *Port Authorities Act 1963* dan Akta Pelabuhan-Pelabuhan Penswastaan (Akta 422).
- (e) Bertanggungjawab menetapkan hala tuju organisasi dan industri pelabuhan di dalam had pelabuhan.
- (f) Bertindak sebagai pemudahcara dalam industri pelabuhan dan rantaian logistik.
- (g) Menjalinkan hubungan kerjasama strategik di antara LPJ dengan pihak berkepentingan dalam industri pelabuhan dan logistik.
- (h) Bertanggungjawab mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung organisasi dan perkara-perkara yang melibatkan operasi pelabuhan dalam had pelabuhan.
- (i) Melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab lain seperti yang diarahkan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

4. CARA MEMOHON :

- 4.1 Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Pelabuhan Johor (<https://www.lpj.gov.my>).
- 4.2 Borang permohonan yang lengkap perlu disertakan bersama-sama dokumen berikut:
 - (i) Resume dengan *Curriculum Vitae* (CV) yang mempunyai;
 - a) Maklumat peribadi
 - b) Kelayakan akademik/ kompetensi (sertakan bersama sijil berkaitan dan sijil SPM)
 - c) Pengalaman kerja
 - d) Jangkaan gaji
 - e) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport; dan
 - (ii) Salinan Sijil Kelahiran & Salinan Kad Pengenalan; dan
 - (iii) Semua salinan sijil-sijil yang disertakan perlu disahkan oleh pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan & Profesional yang berkelayakan ; dan
 - (iv) Laporan Pemeriksaan Kesihatan terkini.
- 4.3 Borang permohonan dan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses.

Borang yang lengkap diisi dan dokumen berkaitan dengan permohonan hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis tujuan permohonan di bahagian atas sebelah kiri, dihantar tangan atau diposkan berdaftar kepada :**

**ALAMAT : PENOLONG PENGURUS BESAR
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN & KEWANGAN
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JALAN MAWAR MERAH 2,
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM**

TUJUAN PERMOHONAN : PERMOHONAN JAWATAN PENGURUS BESAR, GRED PP1

MAKLUMAT TEMU DUGA :

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh temu duga, adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup Permohonan : 28 Mei 2025 (Rabu), jam 5.00 petang